

06/04/2003

Kolej IGS utamakan bahasa Inggeris

CITA-CITA lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran kini terbuka luas berikutan wujudnya pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTSS), antaranya Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (IGS).

Kolej IGS yang terletak di Taman Kemacahaya, Batu 9, Cheras, Selangor adalah kolej yang tersenarai Kementerian Pendidikan serta mendapat kelulusan Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Pembelajarannya secara terbuka di samping menitikberatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Ini sesuai kehendak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang

mahu menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa perlu diberi penekanan.

Kolej IGS begitu prihatin terhadap kehendak ibu bapa dalam menentukan masa depan anak mereka dan sering bertanya ke mana anak mereka selepas itu. Kolej IGS memiliki kriteria berkenaan seperti pinjaman pengajian, bidang yang tepat serta menjanjikan peluang pekerjaan yang baik.

Kolej ini bukan sahaja menawarkan pengajian peringkat Sarjana Muda dan Sarjana malah peringkat Doktor Falsafah. Pelajar sebenarnya sudah didedahkan pengajian ijazah antarabangsa serta peluang cerah melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dengan kadar yuran terendah.

Yuran memasuki kolej ini hanya RM700 manakala selebihnya dibiayai pinjaman yang diuruskan kolej. Pada kadar berkenaan, pelajar boleh mendapat ijazah antarabangsa yang diiktiraf.

Kelayakan memasuki Kolej IGS ialah minimum dua prinsipal D ke atas bagi

STPM dan tiga kredit bagi lepasan SPM. Lepasannya yang tidak mendapat kredit bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris perlu mengambil dua subjek audit di IGS.

Setakat ini, Kolej IGS sudah mengendalikan ijazah antarabangsa dari dua

universiti terkemuka iaitu Upper Iowa University, Amerika Syarikat dan Charles Sturt University, Australia. Kemasukan Mac sedang ditawarkan.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai bidang kursus ditawarkan, pelajar boleh menghubungi Jabatan Pemasaran Kolej IGS melalui talian 03-9080 3838 atau 03-90804946 atau emel: [mcloudawan@hotmail.com.my](mailto:mcloudawan@hotmail.com.my) atau laman

web: [www.igs.edu.my](http://www.igs.edu.my).